



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 23 JANUARI 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	AGONG BERKENAN RASMI PROGRAM SMART SBB ALA SEKINCHAN, NEGERI PAHANG, SH -23 IN TOUCH WITH FARMING, NATION, THE STAR -2 KING LAUNCHES SMART PADY CULTIVATION SCHEME, NATIONAL, THE SUN -2 KPKM PERLU PASTIKAN BEKALAN MAKANAN TERJAMIN, NASIONAL, SH -19 KPKM, MYCC BEKERJASAMA SIASAT ISU KARTEL BERAS, NASIONAL, SH -12 ISU KARTEL BERAS: TUNGGU SIASATAN MYCC, DALAM NEGERI, UM 1 & 2	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
7. 8. 9.	MALANG BERGANDA BUAT 1,000 PESAWAH, LOKAL, HM -19 'KAMI TEPRPAKSA BERHUTANG DENGAN ORANG TENGAH', LOKAL, HM -19 SAWAH DI BAGAN TIANG MUSNAH DISERANG TIKUS, DALAM NEGERI, UM -10	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
10.	SAWAH JERLUS: KADA HILANG 4,200 TAN METRIK HASIL PADI, DALAM NEGERI, UM -10	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
11.	MADA TO HELP FARMERS DURING PROLONGED DRY SPELL, NATION, THE STAR -6	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
12.	CADANG BINA RUMAH CENDAWAN KONSEP AGRO PELANCONGAN, NEGARA, KOSMO -18	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2024	THE STAR	NATION	2



In touch with farming: Sultan Abdullah driving an agro truck at a padi field after launching a Smart padi programme at Skim Merchong in Pekan, Pahang. Beside him is Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.— Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2024	THE SUN	NATIONAL	2

King launches smart padi cultivation scheme

PEKAN: The Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah officiated at the Ala Sekinchan Large-Scale Smart Padi Field (Smart SBB) programme at the Permatang Durian KPA (water

user groups) Merchong scheme yesterday.

The Regent of Pahang Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah, Tengku Arif Bendahara Tengku Muhammad Iskandar Ri'ayatuddin Shah and Tengku

Panglima Perang Tengku Ahmad Ismail Mu'adzam Shah were also in attendance.

Also present at the ceremony held at the Kampung Merchong Mosque were Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri

Mohamad Sabu and Pahang Menteri Besar Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Al-Sultan Abdullah also visited an exhibition, watched an Ala Sekinchan padi cultivation and technique demonstration and operated a transplanter machine.

Launched in May last year, the Ala Sekinchan Smart SBB programme implements high-yield agricultural practices using the knowledge, attitude and practise approach.

The programme aims to increase the income of farmers by enhancing productivity through the application of good practices adopted by farmers in Sekinchan, Selangor.


In Pahang, the new farming model is supervised by the Pekan Integrated Agriculture Development Area in collaboration with a leading company in the Merchong scheme, which covers an area of 4,134ha with a total of 1,716 farmers.

There are 10 water user groups under the Merchong scheme, and the project will primarily focus on the Permatang Durian group.

The first phase of the project will involve 84 participants, with a cultivation area of 168ha.

- Bernama

Al-Sultan Abdullah operating a padi transplanter machine, accompanied by Mohamad (right) at the event in Pekan yesterday. - **BERNAMAPIC**



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	19

KPKM perlu pastikan bekalan makanan terjamin

WARGA Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah menunjukkan semangat kerja yang tinggi dalam mengharungi tahun 2023 menerusi isu *bread and butter* penggunaan, namun rakyat menuntut pengukuhan segera dapat dilaksanakan pada 2024.

Syukur apabila KPKM bertindak pantas melaksanakan program jualan Agromadani secara terus dari ladang dengan tawaran harga antara 10 peratus hingga 30 peratus lebih rendah berbanding pasaran.

Terdapat rungutan tentang kekurangan beras putih tempatan di pasaran namun situasi itu dijangka semakin reda melalui hasil tuaian padi hujung tahun oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Purata pengeluaran beras negara masih belum mencukupi kerana kadar sara diri negara (SSR) baru mencapai 65 peratus. Sebab itu usaha untuk meningkatkan nilai SSR ini perlu diteruskan dan ditingkatkan bagi 2024. Sekiranya ada kekurangan, perlu



Purata pengeluaran beras negara masih belum mencukupi kerana kadar SSR baru mencapai 65 peratus.

ditambah baik. Kejayaan yang dicapai pada 2023 perlu dipertingkatkan dan kelangsungan agenda membantu rakyat mesti digandakan dan diteruskan.

Pada awal 2023, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu telah menggariskan lima hala tuju kementerian iaitu akuakultur, penternakan lembu secara fidlot, jagung bijian, penglibatan anak muda dan

pemeriksaan institut latihan pertanian. Dalam Majlis Amanat Tahun Baharu KPKM, Mohamad menjelaskan bermula 2024 hingga 2030 suntikan pengukuhan melalui pelaksanaan dan Pengukuhan Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat (PINTAR) akan diberi penekanan komprehensif.

PINTAR merupakan *game changer* dalam usaha KPKM untuk mereformasi sektor agromakanan. Ia bukan satu konsep baharu tetapi amat kritikal untuk memastikan peningkatan produktiviti dan kelestarian sektor agromakanan negara.

Tahun lalu, berlaku kesan rantaian bekalan makanan global akibat perang Russia-Ukraine dan tahun ini pula ketegangan di Timur Tengah terutamanya perang di Gaza.

Justeru, KPKM perlu memberi fokus untuk mengukuhkan tiga lagi industri sedia ada dan satu industri rintis iaitu industri padi dan beras, ayam serta telur, bawang dan tanaman nanas.

Kejayaan yang dicapai tahun lepas perlu dipertingkatkan dan kelangsungan agenda membantu rakyat mesti diteruskan.

- Amirul Azim, Kuala Lumpur

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	12

KPKM, MYCC bekerjasama siasat isu kartel beras

PEKAN - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan bekerjasama dengan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MYCC) untuk menyiasat tuduhan wujudnya kartel dalam industri beras negara.



MOHAMAD

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kerjasama tersebut dibuat bagi membolehkan agensi itu melakukan siasatan lanjut terhadap isu berkenaan.

Bagaimanapun, ujar beliau, siasatan akan mengambil sedikit masa kerana perlu melihat kepada keseluruhan rantai sektor berkenaan.

"MYCC mengambil sedikit masa kerana kebiasaannya isu kartel ini tidak boleh tuduh sembarangan. Ia perlu memahami keseluruhan rantai terlebih dahulu.

"Jadi kesimpulan awal kita tidak boleh buat lagi, tetapi perlu melihat dari aspek rantai makanan di sektor padi dan beras kerana ia melibatkan beberapa peringkat daripada benih sampai ke beras," jelas Mohamad.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) Ala Sekinchan yang disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Kampung Merchong di sini pada Isnin.

Sebelum ini, Persatuan Beras Bumiputera Malaysia (Barim) mendakwa wujud 'permainan' tertentu di dalam Padiberas Nasional Bhd (Bernas).

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, sesi libat urus akan diteruskan dari masa ke semasa bagi memastikan syarikat terlibat berada di landasan betul.

"Bila kita buat libat urus mereka (syarikat berkaitan urusan padi dan beras) akan ikut. Kadang-kadang (ada syarikat) terkeluar rel (landasan) tapi ia tidak banyak. Namun kita selalu uar-uarkan (untuk mereka sertai) libat urus," ujar beliau.

Menyentuh mengenai program Smart SBB, Mohamad berkata, KPKM mencadangkan petani menggunakan varieti benih padi jenis MRQ 103 Padi Wangi Malaysia (MARIA-MARDI Rice Aroma) bagi menambahkan pendapatan.

Beliau berkata, saranan itu diberikan kepada seramai 84 petani yang mengikuti projek 10 Kumpulan Pengguna Air (KPA) Permatang Durian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	1

Isu kartel beras: Tunggu siasatan MyCC

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA
shofim@utusanmalaysia.com.my

PEKAN: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi Kawalselia Padi dan Beras sedang bekerjasama dengan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) bagi menyiasat isu kartel yang didakwa menekan nasib pesawah.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, MyCC perlukan sedikit masa bagi memahami dan mempelajari tentang keseluruhan rantaian dalam industri padi dan beras negara.

"Isu kartel ini tidak boleh tuduh sembarangan kerana kena faham keseluruhan rantaian terlebih dahulu.

"Maknanya, kesimpulan awal kita tak boleh buat lagi. Kita kena melihat aspek rantaian makanan dalam sektor padi dan beras sebab ini melibatkan beberapa peringkat dari benih sampai ke beras," katanya.

Bellau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan, Pekan di Kumpulan Pengguata Ali Pematang Durian, skem Merchong di sini semalam.

Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin, Al-Mustafa Billah Shah berkenan berangkat merasmikan SMART SBB Ala Sekinchan, Pekan.

Bersambung di muka 2

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2



AL-SULTAN Abdulrahman Ri'ayatu'ddin Al-Mustafa Billah Shah (tengah) mengawal jentera tanaman padi sambil dilirangi oleh Mohamad Sabu di Kumpulan Pengguna Air (KPA) Permatang Durian, Skm Merchong di Pekan, Pahang semalam. - UTUSAN/SHAIKH AHMAD RAZIF

Isu kartel beras: Tunggu siasatan MyCC

Dari muka 1

Turut berangkat, penangku Raja Pahang, Tengku Mahkota, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatu'ddin Al-Mustafa Billah Shah.

SMART SBB Ala Sekinchan adalah model baharu yang menerapkan amalan pertanian bernilai tinggi dengan mempraktikkan pengetahuan, sikap dan amalan dilancarkan pada Mei 2023.

Program ini sudah dilaksanakan di kawasan Lombaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kemasin-Semerak, Kelantan dan JADA KETARA, Terengganu.

Baru-baru ini, ketika bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Gabungan Pengi-

lang-Pengilang Beras Malaysia, Marzuki, Otman dilaporkan sebagai berkata, kartel dalam industri beras negara wujud dan sedang menipu pengguna dan kerajaan sekali gus menyeksikan kelemahan penguat kuasa yang tidak berupaya menentukan antara beras tempatan dan import.

Beliau dilaporkan berkata, kartel dimonopoli syarikat-syarikat besar yang mempunyai kilang-kilang padi serta pemborong sendiri di bawah penguasaan mereka wujud sejak sekian lama.

Oleh itu, menurutnya, isu kekurangan bekalan beras berlaku apabila mereka menukarkan gred atau mencampur beras tempatan menjadi import sekali gus mengaut lebih keuntungan.

Sementara itu, mengulas tentang SMART SBB Ala Sekin-

chan, beliau berkata, ia sudah dilaksanakan di Kedah, Perlis, Terengganu, Kelantan dan terbaharu di negeri ini.

"Pada bulan April ini, ia akan dilancarkan di Langkawi, Kedah membabitkan luas kawasan 500 hektar, selepas itu Sabah, 600 hektar dan Sarawak (500 hektar) membabitkan kawasan baharu.

"Ia akan dipertuaskan ke seluruh negara dan buat masa ini hanya Johor dan Melaka belum melaksanakannya," katanya.

Marzuki juga yakin program SMART SBB Ala Sekinchan inisiatif untuk mempertingkatkan pengeluaran padi tempatan di samping menjamin pengedaran kawasan penanaman padi negara yang saban tahun menghadapi masalah pengedaran kawasan akibat daripada penukaran status guna tanah.



RIDHUAN (kanan) menunjukkan padi yang diserang penyakit kerdas Mohd Misbahul. -Gambar NSTP/SHAFUL SHAHRIN AHMAD PALU

Malang berganda buat 1,000 pesawah

Parit Buntar: Lebih 1,000 pesawah di daerah ini bukan sahaja berhubung lagi dengan tanah jerlus untuk kali kedua, malah tanaman padi yang diserang tikus dan penyakit padi.

Pesawah, Mohd Shaiful Ahmed, 40, berkata musim padi kali ini menjadi mimpi ngeri buat pesawah apabila hampir setiap kawasan di Parit Buntar, Mohd Misbahul Munir, Masduki Melakukan tinjauan di Parit Abas, Kuala Kurau di sini.

Menurutnya, dia yang menguruskan lima hektar sawah padi terjejas teruk musim ini kerana hasil padi yang diperolehi tidak mampu melangsangkan hutang sebagai akibat serangan pelbagai penyakit seperti kerdas padi (HLB) dan reput tangkai.

"Musim ni sekali lagi pe-

dan musim ni hanya perolehi dalam enam tan metrik (bersih) padi sahaja.

"Jika dikira saya masih berhubung dengan pengilangan dan tak mampu lang-sung nak bayar duit benih dan upah jentera pembajak

hampir RM10,000," katanya. Katanya, hampir dua hektar petak sawah padinya diserang tikus, manakala selebihnya menjadi ringan akibat penyakit kerdas padi.

Pesawah lain Hsuan Abdul Aziz, 42, berkata dia terpaksa menggunakan kaedah tradisional bagi mengambild padinya yang tidak dapat dituai.

"Bendang yang diusahakan ini dalam dua relong dan mengambil masa seminggu untuk habis. Saya dapat dan saya yang pukul.

Penat memang penat, nak buat macam mana tanah lembut, jentera tak boleh masuk.

"Kalau ikutkan padi saya ni dah lebih 120 hari dan sudah hangit," katanya yang tidak menjangka tanah sawahnya menjadi lembut berbanding tahun lalu.

Pesawah dari Parit Tok Hn, Mohd Naim Firdaus Otman, 31, berkata dia yang menguruskan 0.8 hektar sawah padi menyedari tanamannya diserang penyakit selepas padi mula keluar.

"Hampir separuh sawah padi saya tidak berisi dan menjangkakan mengalami kerugian lebih RM2,000," katanya.

Semenara itu, Ridhuan berkata, sehingga kini sisihan phakanya mendapati lebih 30 peratus sawah padi di Kerian diserang haiwan perosak.

'Kami terpaksa berhubung dengan orang tengah'

Parit Buntar: Nasib pesawah di daerah ini yang tidak dapat menjual padi menggunakan jentera sedemikian terimpit apabila kebanyakan mereka tiada sumber pendapatan lain. Bagi jatuh ditimpa tangsa apabila mereka terpaksa berhubung dengan 'orang tengah' berikutan hasil padi tidak menjadi akibat tanah jerlus selain diserang penyakit kerdas padi dan tikus.

Pesawah Shahril Hamzah, 30, berkata kobiasaan pesawah menggunakan kaedah hutang-bagi kerja sawah seperti benih, jentera pembajak, jentuai dan meracun tidak mampu meluaskan hutang benih dan jentera pembajak.

"Bukan kata hutang benih dan jentera, sewa ben-dang pada tuan tanah pun tak mampu nak bayar dan saya berharap akan dapat ihsan atau budi bicara dari tuan tanah," katanya.

sil yang diharapkan kerana faktor tanah jerlus serta beberapa penyakit lain.

"Ini musim kedua kejadian tanah jerlus berlaku dan lebih malang tanaman padi pula kena serangan tikus dan kerdas padi.

"Jadi bila padi tidak dapat dituai mana kami nak cari duit bayar semua hutang?" katanya ditemui di Parit Abas, Kuala Kurau, di sini.

Pesawah lain Mohd Zufahmi Akhyar, 34, berkata dia terpaksa melepaskan 0.8 hektar sawah padinya kepada pembeli padi sedemikian dua musim berikutnya.

Menurutnya, setiap sawah padi yang diusahakan sekurang-kurangnya memerlukan belanj sekitar RM1,000 dan pesawah kebiasaannya akan berhubung dengan pembeli padi. "Sudah dua musim pesawah di sini tak dapat ha-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

Sawah jerlus: KADA hilang 4,200 tan metrik hasil padi

Oleh YATIMIN ABDULLAH
yatiminabdullah@mediamalaysia.com.my

KOTA BHARU: Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) kehilangan hasil padi sebanyak 4,200 tan metrik pada 2022 berpunca masalah sawah jerlus melibatkan keluasan 1,000 hektar.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengurus Besar KADA, Mohd. Faizul Mustafa berkata, jumlah itu berpandukan kepada pengeluaran hasil sebanyak 4.2 tan metrik bagi kawasan petak sawah seluas satu hektar.

"Kita (KADA) akui situasi itu (sawah jerlus) bukan sahaja menjejaskan pengeluaran padi malah memberikan kesan tidak baik kepada golongan pesawah.

"Walaupun kawasan itu boleh diusahakan, namun hasil tidak dapat dituai sepenuhnya. Hal demikian ini kerana jentui kita tidak dapat masuk ke kawasan itu disebabkan oleh masalah tersebut (sawah jerlus)," katanya.

Menurutnya, bagi mengatasi masalah itu, KADA menggalakkan petani menggunakan jentera yang lebih ringan dan bersesuaian dengan struktur tanah.

Katanya, ini bertujuan mengurangkan kerosakan pada struktur sawah yang menyumbang kepada faktor masalah tanah jerlus.



PESAWAH di Kelantan tetap komited mengusahakan tanaman padi meskipun berdepan pelbagai cabaran termasuk sawah jerlus. - UTUSAN/ROHANA ISMAIL

"Pada masa sama, KADA meningkatkan penggunaan bahan mikrob dan zeolit dalam usaha membaiki *hardpan* tanah di kawasan sawah jerlus," ujarnya.

Mohd. Faizul berkata, pihaknya sentiasa berusaha dan bekerja keras dengan melakukan pelbagai usaha dalam meningkatkan hasil bekalan padi negara.

Katanya, usaha itu selari dengan hasrat menjadikan KADA sebagai jelapang makanan negara pada masa hadapan.

Utusan Malaysia sebelum ini melaporkan, kerajaan berusaha memulih dan membangunkan kawasan sawah padi jerlus sebagai salah satu langkah untuk meningkatkan tahap sara diri (SSL) pengeluaran beras negara

sekali gus mampu mengurangkan kebergantungan kepada import.

Langkah itu antara 12 inisiatif diperkenalkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menerusi Gelombang Padi bagi menambah baik mekanisme pelaksanaan sedia ada serta hala tuju baharu industri padi dan beras negara.

Sawah di Bagan Tiang musnah diserang tikus

BAGAN SERAI: Kira-kira 30 peratus daripada 18,900 hektar sawah dari Bagan Tiang hingga Selinsing dekat sini mengalami kerugian apabila diserang tikus.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang pesawah di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selinsing, Mohd. Shukri Khaidir, 52, berkata, tikus memakan batang padi menyebabkan pertumbuhan tanaman itu terjejas.

Menurutnya, hampir separuh daripada tanaman padi seluas lima ekar yang diusahakannya rosak.

"Sebelum ini tidak pernah terjadi serangan tikus hingga ke tahap sebegini. Ini merupakan kali pertama berlaku sejak saya mengusahakan sawah 10 tahun lalu," katanya.

Katanya, petak padi pesawah lain pun turut diserang tikus. "Sebelum menabur benih, saya letak biji racun tikus dalam



MOHD. Shukri Khaidir menunjukkan petak sawahnya yang diserang tikus di Kampung Telok Sama Gagah, Selinsing di Bagan Serai, semalam. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

lubang-lubang tikus di sepanjang batas sawah.

"Saya gaulkan benih padi dengan racun tikus bagi

mengelak haiwan perosak itu memakan benih padi yang ditabur.

"Selain itu, saya pastikan

batas sentiasa bersih daripada tumbuhan bagi mengelak tikus membuat sarang," katanya.

Jelasnya, dia turut membuang air dari petak sawah lebih awal dan tempoh ditetapkan dengan harapan tikus berkurangan.

"Jangkaan jadual tarikh musim tuai ialah antara 10 atau 20 Februari depan. Sekiranya ancaman haiwan perosak ini berterusan, hasil tuai mungkin berkurangan," ujarnya.

Sementara itu, Pegawai Pertanian Daerah Kerian, Riduan Othman berkata, pihaknya masih menjalankan bancian bagi mendapatkan jumlah kawasan tanaman padi yang terjejas akibat serangan tikus.

"Boleh dikatakan semua mukim di daerah Kerian terkena serangan haiwan perosak ini. Setakat ini anggarannya lebih 30 peratus kawasan padi di Kerian terkesan dengan isu ini," katanya.

Mada to help farmers during prolonged dry spell

By KHOO GEK SAN
geksan@thestar.com.my

PETALING JAYA: The Kedah Muda Agricultural Development Authority (Mada) is taking steps to enhance agricultural irrigation and water distribution to prevent rice yield from being affected by the prolonged dry spell there.

Agriculture and Food Security Ministry deputy secretary-general (development) Datuk Badrul Hisham Mohd said regular checks based on reports from MetMalaysia and other sources would be conducted to ensure that farmers were kept well informed about their planting seasons.

He said so far, there had been no inquiries from farmers or Farmers Area Organisations (PPK) on the weather forecast from January to June this year.

Looking ahead, the ministry said it planned to implement the Rice Crop Takaful Scheme (STTP) as a long-term measure to offer enhanced compensation and coverage compared with the current Rice Crop Disaster Fund

(TBTP) Programme.

In a statement to *The Star*, the ministry said the government was studying the implementation mechanism to ensure a holistic approach.

"In times of natural disasters and unforeseen events, padi farmers can seek assistance through their state disaster committee.

"The applications will undergo evaluation at the technical committee level overseen by the Agriculture Department.

"Once certified, these applications will be submitted to the TBTP master committee for approval, and the disbursement of funds will be managed by the Board of Farmers' Organisations," it said.

Recognising the October 2023 report from MetMalaysia which warned about the expected impact of the El Nino phenomenon, the ministry said increased temperatures and reduced rainfall might adversely affect rice harvests.

"As 60% of rice cultivation in Malaysia relies on irrigation systems, efficient and prudent management of dam water becomes



Major loss: Abdullah Mohamad (front) and other farmers showing the padi affected by the drought season at one of the paddy fields in Kampung Charok Kering in Pendang, Kedah. — ZHAFFARAN NASIB/The Star

crucial to secure water resources for the upcoming season.

"By implementing sustainable water management practices and offering improved support schemes, Kedah aims to provide a conducive environment for padi farmers, enabling them to navigate the challenges posed by climate change and maintain steady rice supply for the nation," it said.

Yesterday, *The Star* reported that padi farmers in Kedah were faced

with concerns due to the prolonged dry and hot weather caused by the ongoing El Nino.

Parts of Kedah, known as the country's rice bowl, have not received rain since late December.

Farmers Area Organisations (PPK) Pendang Selatan chairman Abdullah Mohamad reported that some areas in Kedah had not seen rainfall for two consecutive months, leading to extreme heat.

Farmers have paused fertilisa-

tion and watering in response to the dry season to minimise losses.

The Pokok Sena area is particularly affected, with a month-long absence of rain creating conditions conducive to rice pests like caterpillars.

The unpredictable weather and pest infestations pose challenges, and if the dry spell persists, it could adversely impact the rice yield, with some areas already beginning early harvesting.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2024	KOSMO	NEGARA	18



NOOR SAIFUL (tiga dari kanan) bergambar bersama para peserta kursus penanaman cendawan di Kampung Parit Hassan, Benut, Pontian semalam.

Cadang bina rumah cendawan konsep agro pelancongan

PONTIAN – Saifulam Agro Farm bercadang membina rumah cendawan berkonsep agro pelancongan pertama di daerah ini bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk melihat dan mengenali tumbuhan itu dekat.

Pemilikinya, Noor Saiful Amri Suloh, 32, berkata, dia mendapat idea itu selepas melihat kilang beras di Kuala Selangor sebagai pusat pelancongan dalam masa

sama beroperasi seperti biasa.

Katanya, konsep itu boleh di contohi pengusaha pertanian lain memandangkan orang ramai mahu melihat sendiri tanaman seperti sayur, buah-buahan dan ternakan secara lebih dekat.

"Sebagai permulaan, saya bercadang membangunkan tanah seluas 0.4 hektar di Kampung Parit Kerimon sebagai pusat pelancongan berasaskan cen-

dawan," katanya ketika ditemui pada majlis penutupan kursus tanaman cendawan di Kampung Parit Hassan, Benut semalam.

Seramai 12 peserta termasuk dari Sri Lanka mengikuti kursus membuat bongkah cendawan.

Mengulas lanjut, Noor Saiful berkata, dia yakin hasrat itu dapat direalisasikan memandangkan pengeluaran cendawan tiram kelabu di ladang tersebut ketika

ini adalah lebih 600 kilogram (kg).

"Pelbagai jenis cendawan akan ditanam selepas ini antaranya cendawan telinga kera, tiram putih, kukur dan lingzhi," ujarnya.

Tambah Noor Saiful, ladang cendawan tersebut pernah dikunjungi oleh pakar antaranya Prof. Masahito Yamauchi daripada National Institute of Technology, Kagoshima College Japan; Prof. Emeritus Fumio

Yagi (Kagoshima University) dan Prof. Dr. Hirofumi Hara (Malaysia-Japan International Institute of Technology).

"Saya bersedia untuk berkongsi ilmu dengan mana-mana pihak termasuk pelajar institusi pendidikan tinggi yang mahu mendalami kaedah tanaman cendawan yang merupakan industri berdaya maju dan membawa pulangan lumayan," kata beliau.